

04/01/2000

Pemimpin parti sifatkan keputusan pendirian bijak

KUALA LUMPUR, Isnin - Keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan pada perhimpunan agung parti Mei depan, diterima baik kalangan pemimpin parti.

Mereka menyifatkan keputusan itu sebagai pendirian bijak bagi mengekalkan keutuhan dan perpaduan parti dalam senario politik negara masa kini.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata ahli Umno tidak mampu mengambil risiko perpecahan hanya untuk melihat kedua-dua jawatan itu dipertandingkan.

Katanya, jawatan itu bukan saja yang tertinggi dalam parti dalam kerajaan serta membabitkan kesinambungan kepemimpinan negara.

"Sekiranya keputusan yang dilakukan ini dapat mengelakkan perpecahan serta budaya yang boleh merosakkan lagi kesatuan dalam Umno, saya rasa tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh buat pendirian sedemikian," katanya selepas mesyuarat MT di Ibu Pejabat Umno di sini, hari ini.

Pada mesyuarat itu, MT sebulat suara bersetuju mencadangkan supaya jawatan presiden dan naib presiden tidak dipertandingkan dengan menyaksikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing dicalonkan sebagai presiden dan timbalan presiden.

Di KOTA KINABALU, Badan Perhubungan Umno Sabah menyifatkan pendirian MT itu dapat mengekalkan perpaduan parti sekali gus mengukuhkan kekuatannya.

Ketua Penerangan Umno Sabah, Senator Datuk Karim Ghani, berkata langkah itu juga akan dapat memastikan keamanan di negara ini terpelihara.

Ketua Pemuda Umno Sabah, Juhari Janan, pula berkata mengalu-alukan keputusan itu dan yakin ia dapat mengelakkan perpecahan.

Di JOHOR, Ketua Pemuda negeri, Dr Nasrah Salim, menyifatkan pendirian MT wajar dalam keadaan politik semasa demi memastikan kestabilan parti.

"Tradisi ini sepatutnya dikekalkan," katanya merujuk keputusan MT supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan.

Di MELAKA, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata kelima-lima bahagian di negeri itu hanya akan mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah untuk bertanding masing-masing jawatan presiden dan timbalan presiden Umno.

Katanya, ini selaras dengan pendirian Badan Perhubungan Umno Negeri yang menyokong keputusan MT supaya tiada pertandingan merebut kedua-dua jawatan tertinggi Umno itu.

"Jika ada pertandingan, parti akan berpecah dan sudah tentu mengambil masa satu dua tahun untuk memulihkan semula," katanya.

Menurutnya, dengan keputusan tiada pertandingan jawatan berkenaan membolehkan parti memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Ketua Umno Kota Melaka, Datuk Amid Nordin, pula berkata bahagian itu memang menyokong penuh keputusan MT tiada pertandingan jawatan presiden dan timbalan presiden parti.

Katanya, keputusan itu membolehkan jentera parti menumpukan kepada menunaikan janji sepanjang pilihan raya umum lalu serta memperbaiki kelemahan yang ada.

"Bahagian ini akan hanya mencalonkan Dr Mahathir sebagai presiden dan Abdullah sebagai timbalan presiden," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, beberapa pemimpin Umno Terengganu menyambut baik keputusan MT Umno supaya jawatan presiden dan timbalan presiden parti tidak dipertandingkan pada pemilihan perhimpunan agung parti akan datang.

Ketua Pemuda Pergerakan Umno negeri, Abdul Rahin Datuk Mohd Said, berkata keputusan itu wajar bagi memastikan keutuhan parti terjamin dan perpaduan di kalangan ahli tidak tergugat.

(END)